

LIBATKAN DIRI DALAM PEMBANGUNAN KAWASAN ANDA!

Anda sebagai penduduk tempatan/pihak awam yang berkepentingan kini diberi peluang untuk melibatkan diri di dalam proses perancangan pembangunan kawasan anda di masa hadapan; sebagaimana yang di peruntukkan di dalam Akta 172.

Sekiranya anda mempunyai sebarang cadangan, ulasan atau bantahan terhadap mana-mana kandungan di dalam Laporan Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang 2035 (Penggantian) ini, anda dialu-alukan untuk menyampaikan melalui Borang Bantahan Awam yang disediakan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh mula program publisiti dan penyertaan awam.

ANDA BERPELUANG UNTUK SAMA-SAMA TERLIBAT MERANCANG PEMBANGUNAN DI KAWASAN ANDA

Hadirkan diri dan gunakan hak anda untuk memeriksa kandungan Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang 2035 (Penggantian) sepanjang pameran dijalankan pada:

Tarikh : 19 Mac 2019 (Selasa) - 18 April 2019 (Khamis)

Masa : 9.00 pagi - 4.30 petang (Waktu Bekerja)

Tempat : 1. Lobi Utama Majlis Perbandaran Klang

2. Aras LG PLANMalaysia@Selangor

3. Lobi Pejabat Tanah Daerah Klang

4. Aras 2 Klang Parade

5. Aras Bawah Blok B

GM Klang Wholesale City Malaysia

Anda berpeluang memberi pandangan, cadangan ataupun bantahan dengan mengisikan Borang Bantahan Awam yang disediakan. Anda turut berpeluang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam yang mana tarikh mesyuarat akan dimaklumkan kemudian; setelah selesai program Publisiti dan Penyertaan Awam.

TATACARA PENGGUNAAN LAPORAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG SELANGOR 2035 (PENGGANTIAN)

1. Baca dan semak kandungan Laporan Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang 2035 (Penggantian) yang boleh didapati di lokasi-lokasi pemeriksaan laporan yang telah ditetapkan melalui laman web dan aplikasi.
2. Semak cadangan projek-projek pembangunan yang dikemukakan di dalam setiap dimensi / halaju.
3. Jika ada perkara yang ingin dipinda / bantah / cadangan / pandangan, sila isi Borang bantahan Awam yang boleh didapati di lokasi-lokasi pemeriksaan atau lawati:

www.townplan.gov.my

www.jpbd.negeri.selangor.gov.my

www.mpklang.gov.my


5. Hantarkan borang bantahan anda ke alamat :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KLANG
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH
JALAN BANDARAN
41675 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
(U.P : PENGARAH, JABATAN PERANCANG BANDAR)**

Tel +603 - 03-3375 7850/52/55

Faks : +603 - 3371 0690

PROGRAM PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM



Draf RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG 2035 (PENGGANTIAN)



Dengan Kerjasama:-

PLANMalaysia
@Semenanjung Malaysia
Perancangan Melangkuai Kelaziman



PLANMalaysia
@Selangor
Perancangan Melangkuai Kelaziman

PENDAHULUAN

RANCANGAN TEMPATAN ialah satu dokumen perancangan yang mengandungi **PETA CADANGAN** dan **PENYATAAN BERTULIS** yang disokong oleh gambarajah. Ia menggariskan dasar-dasar perancangan yang komprehensif sebagai asas kepada keputusan-keputusan perancangan di dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

Ia menunjukkan secara terperinci berkenaan perancangan fizikal masa hadapan bagi komponen-komponen perancangan guna tanah seperti perumahan, perniagaan, perindustrian, pertanian, institusi dan kemudahan masyarakat, infrastruktur, pengangkutan, kawasan lapang, hutan dan sebagainya.

FUNGSI UTAMA RANCANGAN TEMPATAN


Menterjemah dasar-dasar dan cadangan-cadangan am Rancangan Struktur Negeri berkenaan dengan pembangunan dan penggunaan tanah. Menyediakan garis panduan bagi kawasan pembangunan dengan memperincikan dasar-dasar Rancangan Struktur Negeri bagi kawalan pembangunan. Garis panduan ini merupakan panduan dalam mengatur dan mengawal pembangunan.

Menyediakan landasan bagi melaksanakan cadangan-cadangan mengikut fasa, anggaran kos serta mengenal pasti agensi-agensi pelaksana.

KEPERLUAN PERUNDANGAN

- Mengikut sub seksyen 16(1) Akta 172, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan pada bila-bila masa boleh membuat cadangan mengubah, membatal atau menggantikan sesuatu Rancangan Tempatan bagi mana-mana bahagian dalam kawasan pentadbirannya.
- Penyediaan Rancangan Tempatan (Penggantian) ini perlu selaras dengan subseksyen 12(1) dan subseksyen 13(1) mengenai Seranta, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].


PROFIL KAWASAN KAJIAN



Kawasan kajian RTMPK 2035 (Penggantian) terletak di barat Negeri Selangor Darul Ehsan bersempadan dengan Daerah Petaling, Daerah Kuala Langat dan Daerah Kuala Selangor. Bahagian barat kawasan kajian pula disempadani oleh Selat Melaka.

Kawasan kajian RTMPK 2035 (Penggantian) hanya melibatkan sebahagian daripada Daerah Klang di mana sempadan rasmi telah ditetapkan pada tahun 1895. Sempadan ini telah diubah sebanyak empat kali pada tahun 1890, 1945, 1954 dan 1975.

Keseluruhan guna tanah di kawasan kajian ialah **57,380 hektar**.



PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG 2035 (PENGGANTIAN)

- 1 Publisiti Awal
- 2 Penyediaan Terma Rujukan Rancangan Tempatan
- 3 Laporan Pendekatan
- 4 Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)
- 5 Draf Rancangan Tempatan
- 6 **Publisiti dan Penyerahan Awam Draf Rancangan Tempatan**
- 7 Mesyuarat JK Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam
- 8 Pindaan Draf Rancangan Tempatan
- 9 Kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)
- 10 Memuktamadkan Draf Rancangan Tempatan
- 11 Persetujuan MMKN dan Pewartaan